



# ULASAN

LEMBAGA PENASIHAT PENCEGAHAN RASUAH

# 2014



## A. LATAR BELAKANG

Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR) memberi tumpuan sepenuhnya kepada fungsi dan peranannya menasihati Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tentang dasar dan strategi Suruhanjaya dalam usaha membanteras rasuah, dan menyokong segala aktiviti dan pelan tindakan untuk melaksanakannya dengan cekap dan berkesan.

Dalam tahun 2014, SPRM telah mencatatkan pelbagai pencapaian yang lebih besar dalam pelaksanaan Program Transformasi Operasi SPRM dan Transformasi Modal Insan SPRM. Pengukuhan strategi operasi pencegahan rasuah secara lebih agresif di bawah program transformasi operasi berjaya mengukuhkan kapasiti pencegahan rasuah menerusi pelaksanaan aktiviti dan pelan tindakan yang dirancang oleh tujuh pasukan kerja. Program pembangunan modal insan menerusi pelaksanaan mekanisme baru memperkasakan pegawai SPRM dan meningkatkan kompetensi dan kemahiran mereka. Ini memberi keberhasilan dan impak yang positif kepada SPRM dan memantap serta meningkatkan lagi prestasinya.

## B. ULASAN

### PENCAPAIAN

#### a. Kelangsungan Transformasi

Transformasi operasi yang membawa kepada pengenalan lebih daripada tiga puluh inisiatif termasuk penggunaan teknik temubual *MACCPEACE*, siasatan berpasukan, pengurusan siasatan berkesan, siasatan forensik perakaunan, penyiasatan kes sektor swasta dan Program *MACC Peer Review* telah membantu SPRM meningkatkan tahap kualiti dan profesionalisme siasatan dan perisikan.

LPPR sedia maklum bahawa program transformasi operasi yang menyeluruh dengan penekanan kepada penambahbaikan kaedah siasatan telah memberi impak yang jelas. Antaranya, ia berjaya mempercepatkan penyiasatan dan meningkatkan pencapaian hasil siasatan dari segi kualiti. Sekaligus ia meningkatkan sabitan kes rasuah kepada lebih 80 peratus, iaitu melebihi standard sabitan antarabangsa. Perkembangan ini telah menyumbang kepada keyakinan masyarakat terhadap SPRM sebagai agensi pencegahan rasuah negara.

Dalam pada itu, transformasi modal insan juga mula memberi hasil positif yang disasarkan. Pertama, transformasi modal insan memainkan peranan pelengkap kepada transformasi operasi. Kedua, transformasi modal insan juga membantu meningkatkan keupayaan dan profesionalisme pegawai SPRM termasuk dalam proses kenaikan pangkat, penempatan pegawai, kompetensi, akreditasi, latihan dan pembangunan, kemajuan kerjaya dan pelan penggantian. Sejak tahun 2013, SPRM turut melaksanakan pengambilan 150 orang pegawai baru setiap tahun mengikut kehendak semasa dan keperluan bidang tugas yang kritikal bagi mencapai sasaran 5,000 tenaga kerja.

## **b. Kedudukan Indeks Persepsi Rasuah**

Secara amnya, LPPR merakamkan penghargaan kepada SPRM yang telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk membanteras gejala rasuah dengan memberi fokus utama kepada setiap inisiatif bagi menjamin hasil yang diharapkan.

LPPR mengucapkan syabas kepada SPRM yang berjaya melonjakkan skor Indeks Persepsi Rasuah (CPI) Malaysia dari tangga 53 pada tahun 2013 ke tangga 50 pada tahun 2014 dengan peningkatan skor dari 50 kepada 52. Ini sekaligus menempatkan negara Malaysia di kedudukan yang paling baik dalam tempoh 10 tahun.

## **c. Penilaian Positif Oleh *International Review Panel* (IRP)**

*International Review Panel* (IRP) telah dibentuk untuk menilai pencapaian transformasi SPRM. Ahli panel terdiri daripada tiga (3) pakar antarabangsa dalam bidang pencegahan rasuah, iaitu Mr. Bertrand de Speville, mantan Timbalan Pesuruhjaya ICAC Hong Kong dan juga mantan Peguam Cara Negara Hong Kong; Profesor Robert Alan Doig, Koordinator Program dan Aktiviti International Anti-Corruption Academy (IACA), Vienna dan Mr. Daniel Li Ming Chak, mantan Timbalan Pesuruhjaya ICAC Hong Kong.

Secara keseluruhan, pasukan antarabangsa tersebut mendapati SPRM telah mengambil pelbagai pendekatan yang baik untuk meningkatkan profesionalisme organisasi, termasuk pengenalan prosedur standard operasi yang telus, peningkatan kecekapan kakitangan dan aktiviti-aktiviti melibatkan kesedaran awam. Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa ruang yang perlu diperbaiki untuk mengekalkan keberkesanan organisasi kerana semua usaha ini memerlukan tenaga kerja, sumber dan masa. Panel tersebut turut menekankan bahawa usaha negara memerangi rasuah adalah mustahil tanpa sokongan orang ramai. Memerangi rasuah secara menyeluruh di Malaysia bukan sahaja tanggungjawab SPRM tetapi memerlukan usaha bersepadu dan komitmen serta kesungguhan daripada Kerajaan, penggubal undang-undang dan orang ramai.



LPPR menyahut baik penilaian *International Review Panel* tersebut dan mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan persetujuan dan sokongan ke atas isu-isu yang dibincangkan untuk membantu SPRM dalam melaksanakan tugas statutorinya.

## CADANGAN

LPPR ingin memperakukan bahawa dalam tahun 2014, SPRM telah mencapai pelbagai kejayaan terutama sekali dalam bidang operasi. Pada masa yang sama, tahun 2014 juga telah mencatatkan pelbagai cabaran yang boleh dijadikan sebagai panduan untuk dibawa ke tahun-tahun seterusnya.

LPPR ingin mengesyorkan beberapa usul bagi kepentingan SPRM dalam jangka masa panjang.

### a. Proses Tapisan Keutuhan

Sebelum ini, Badan Pencegah Rasuah (BPR) telah diberi kuasa pentadbiran untuk membuat tapisan keutuhan mengikut Pekeliling Am Sulit Bil. 1 Tahun 1985 bertajuk Tapisan Keutuhan.

LPPR berpendapat adalah wajar bahawa SPRM diberi amanah untuk menjalankan tugas ini bagi pihak Kerajaan. Melalui tapisan keutuhan ini, SPRM dapat membantu dalam memastikan hanya calon yang mempunyai rekod perkhidmatan yang bersih dan bersahsiah, berintegriti dan bebas dari jenayah akan dipertimbang dan diluluskan untuk memegang jawatan penting seperti Ketua Pengerusi Eksekutif Syarikat-Syarikat Berkepentingan Kerajaan (GLC) dan Syarikat-Syarikat Milik Kerajaan (GOC).

Ini adalah selari dengan proses tapisan yang dilaksanakan sekarang terhadap pegawai perkhidmatan awam bagi kenaikan pangkat dan pemangkuan dengan tujuan kenaikan pangkat, serta penganugerahan darjah kebesaran, bintang/pingat Persekutuan atau Kerajaan Negeri.

**b. Peruntukan Salah Laku Pegawai Awam**

Peruntukan satu undang-undang khas bagi menangani salah laku pegawai awam akan membantu mengikis persepsi bahawa setiap pelanggaran peraturan awam berkaitan dengan rasuah. Orang ramai sendiri membuat tanggapan umum dan kadangkala beranggapan bahawa SPRM tidak mengambil tindakan di bawah Akta SPRM, sedangkan tidak semua kes pelanggaran berakhir dengan dakwaan ia melibatkan rasuah. Keadaan ini membawa imej negatif ke atas agensi penguatkuasa pencegahan rasuah.

Justeru itu, LPPR menekankan keperluan mewujudkan undang-undang khas bagi menangani salah laku penjawat awam (*“public misconduct”*). Jika terdapat undang-undang yang membolehkan sesetengah kes dibawa ke mahkamah sebagai salah laku ketika menjawat kedudukan awam, sudah pasti ia akan memudahkan skop tindakan perundangan, dan pada masa yang sama meningkatkan kefahaman orang ramai termasuk anggota pentadbiran awam.

LPPR menyarankan tindakan segera diambil untuk merealisasikan cadangan ini.

**c. Tindakan Tatatertib Bagi Kesalahan Rasuah**

LPPR memandang serius kes-kes yang melibatkan salah laku yang bertentangan dengan peraturan perkhidmatan sektor awam sehingga memudaratkan kepentingan rakyat tetapi tidak mempunyai unsur-unsur rasuah. Meskipun SPRM telah memberi syor dan pandangan supaya pegawai yang didapati membelakangi peraturan serta kepentingan awam dikenakan tindakan yang setimpal, ada kalanya tindakan yang diambil tidak sepadan atau tidak serius jika dibandingkan dengan pelanggaran yang dilakukan.

LPPR mengambil maklum mengenai isu keengganan/kelewatan mengambil tindakan tatatertib oleh Lembaga Tatatertib sesuatu Kementerian atau Jabatan Kerajaan, serta hukuman yang tidak setimpal yang dikenakan terhadap seseorang pegawai awam yang terlibat dengan kesalahan rasuah.

LPPR mencadangkan mana-mana penjawat awam yang didapati bersalah atas pertuduhan tatatertib dikenakan hukuman setimpal dengan kesalahan yang dilakukan bagi mewujudkan elemen pencegahan.

#### **d. Kesalahan Di Bawah Liabiliti Korporat**

LPPR sekali lagi memohon pihak Kerajaan supaya meminda Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009, dengan memasukkan peruntukan liabiliti korporat yang bertujuan memastikan entiti korporat bebas daripada rasuah.

Peruntukan undang-undang baru ini penting untuk membasmi amalan rasuah secara menyeluruh di negara ini. Sehingga kini, tidak ada undang-undang yang membolehkan pendakwaan dibuat ke atas mana-mana syarikat atau entiti korporat yang terbabit dalam kesalahan rasuah. Sebaliknya, SPRM hanya boleh mendakwa individu yang terbabit dalam jenayah rasuah walaupun kemungkinan besar individu tersebut bertindak bagi pihak syarikatnya.

LPPR yakin bahawa dengan adanya peruntukan perundangan liabiliti korporat, syarikat tidak terlepas daripada kuasa penyiasatan SPRM serta pendakwaan dan hukuman kesalahan rasuah, walaupun kesalahan tersebut dilakukan oleh kakitangan atau ejennya. Dengan ini, SPRM dapat meluaskan kuasa pencegahan rasuah kepada sektor swasta dan bukannya hanya ke atas sektor awam sahaja.



**e. Cadangan-Cadangan Yang Telah Diterima Secara Prinsipnya Dan Harus Dipercepatkan Pelaksanaannya**

Cadangan-cadangan berikut telah diterima pada dasarnya oleh Perdana Menteri dan sedang dalam proses penelitian terperinci bagi tujuan pelaksanaan. LPPR mengesyorkan keputusan dipercepatkan dan pelaksanaan tersebut disegerakan.

1. Penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Pencegahan Rasuah Malaysia yang diberi kuasa untuk merekrut, melantik, menaik pangkat dan menamatkan perkhidmatan pegawai-pegawai dan staf SPRM. Ini akan membolehkan SPRM memperolehi tenaga kerja yang mahir dan kompeten dengan cepat dan cekap. Langkah ini memerlukan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan.
2. Kenaikan status Ketua Pesuruhjaya SPRM kepada satu jawatan yang setanding dengan Ketua Audit Negara dan para Hakim yang juga dilantik di bawah Perlembagaan Persekutuan.

## CABARAN SEMASA

LPPR menyokong langkah SPRM untuk mendekati diri dengan parti-parti politik dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang berpengaruh dalam usaha memberi penjelasan mengenai peranan dan tanggungjawab sebenar SPRM.

Pihak NGO dan parti politik perlu bersama-sama Kerajaan dan SPRM dalam memperjuangkan usaha pencegahan rasuah dan isu-isu berkaitan. Mereka tidak seharusnya mengambil pendirian hanya mengkritik usaha yang dilaksanakan. Tanpa sokongan dan kerjasama semua pihak, jenayah rasuah dan penyelewengan kuasa akan berterusan dan menular dalam masyarakat. Ini juga akan menjejaskan imej negara.

Pada masa yang sama, masyarakat dan pihak media perlu diperjelaskan bahawa tidak semua perlakuan penyelewengan dan salah guna kuasa membabitkan perlakuan jenayah rasuah. Siasatan yang dijalankan oleh SPRM memfokus kepada kesalahan yang memenuhi kriteria jenayah (*criminality issues*), khususnya di bawah Akta SPRM 2009. Penekanan siasatan SPRM adalah tertumpu kepada isu salah guna kuasa dan pemalsuan yang membabitkan rasuah.

## C. RUMUSAN

LPPR merakamkan ucapan syabas kepada pihak Kerajaan dalam menjadikan agenda membanteras rasuah sebagai salah satu Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP).

LPPR amat menghargai usaha gigih warga SPRM yang menjalankan tanggungjawab membanteras rasuah dengan penuh dedikasi dan komitmen di bawah kepimpinan Ketua Pesuruhjaya dan barisan Pengurusan Tertinggi.

LPPR mengalu-alukan kerjasama dan sokongan padu semua pihak bagi membantu SPRM dalam usaha yang mulia ini demi memperkukuhkan integriti negara dan meletakkan Malaysia di kalangan negara yang maju dan berwibawa.

## LAMPIRAN A

### TERMA RUJUKAN LEMBAGA PENASIHAT PENCEGAHAN RASUAH

- a) Untuk menasihati Suruhanjaya tentang apa-apa aspek masalah rasuah di Malaysia.
- b) Untuk menasihati Suruhanjaya tentang dasar dan strategi Suruhanjaya dalam usahanya untuk membanteras rasuah.
- c) Untuk menerima, meneliti dan memperakukan cadangan daripada Suruhanjaya ke arah perjalanan cekap dan berkesan Suruhanjaya.
- d) Untuk meneliti dan memperakukan keperluan sumber Suruhanjaya untuk memastikan keberkesanannya.
- e) Untuk meneliti Laporan Tahunan Suruhanjaya sebelum dikemukakan kepada Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah.
- f) Untuk mengemukakan ulasannya tentang perjalanan oleh Suruhanjaya sebelum dikemukakan kepada Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah.

## LAMPIRAN B

# SENARAI AHLI LEMBAGA PENASIHAT PENCEGAHAN RASUAH



**Puan Sri Zaitun  
Zawiyah Puteh**  
Mantan Peguam Cara Negara  
(Pengerusi)



**Tan Sri Datuk Amar (Dr.)  
Haji Hamid Bugo**  
Mantan Setiausaha Kerajaan  
Negeri Sarawak



**Prof. Ulung Tan Sri  
Dr. Mohd Kamal Hassan**  
Mantan Rektor Universiti Islam  
Antarabangsa Malaysia (UIAM)



**Tan Sri Dato' Sri Mohamed  
Jawhar Hassan**  
Pengerusi  
New Straits Times



**Tan Sri Dato' Seri Megat  
Najmuddin bin Haji Megat  
Khas**  
Presiden Institut Tadbir Urus  
Korporat Malaysia



**Tan Sri Datuk Seri Panglima  
Simon Sipaun**  
Mantan Pesuruhjaya  
Suruhanjaya Hak Asasi  
Manusia Malaysia (SUHAKAM)



**Tan Sri Datuk Yong Poh Kon**  
Pengaruh Urusan Royal  
Selangor International  
Sdn Bhd



**Tan Sri Ismail Adam**  
Mantan Ketua Pengarah  
Jabatan Perkhidmatan Awam



## SENARAI AHLI LEMBAGA PENASIHAT PENCEGAHAN RASUAH



**Tan Sri Rashpal Singh a/l  
Jeswant Singh**  
Timbalan Pengerusi  
Knight Capital Sdn. Bhd.



**Tan Sri Dato' Dr. Michael  
Yeoh Oon Kheng**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
*Asian Strategy & Leadership  
Institute (ASLI)*



**Prof. Ulung Datuk  
Dr. Shamsul Amri Baharuddin**  
Prof. di Universiti Kebangsaan  
Malaysia



**Tunku Abdul Aziz  
Tunku Ibrahim**  
Pengasas  
Transparency International  
Malaysia



**Dato' (Dr.) Anwar Fazal**  
Pegarah Kolej Right  
Livelihood  
Universiti Sains Malaysia



**Datin Halimah Mohd Said**  
Presiden *Association of  
Voices of Peace, Conscience  
and Reason (PCORE)*



**Tuan Chelvarajah  
Ramasamy Reddiar**  
Konsultan di Sault and Co.  
Peguambela dan Peguamcara



**Tan Sri Hj. Abu Kassim  
bin Mohamed**  
Ketua Pesuruhjaya SPRM  
*(ex-officio)*



